



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## PEMAKLUMAN

---

### PEMAKAIAN SINGKATAN BAHARU KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa, memaklumkan bahawa mulai 17 Mac 2022 Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia menggunakan pemakaian singkatan baharu iaitu **K-KOMM** menggantikan KKMM yang digunakan selama ini, manakala menterinya dirujuk sebagai **MenKOMM**.

Pemakaian singkatan baharu ini bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan yang sering terjadi dalam kalangan orang ramai antara kementerian dengan agensi di bawahnya, iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) selain memudahkan sebutan dalam semua urusan agar lebih jelas.

K-KOMM bertanggungjawab menyediakan infrastruktur komunikasi secara menyeluruh dan inklusif, membangun ekonomi digital melalui pemerkasaan teknologi maklumat dan komunikasi negara serta memperluas dan memperdalam penyampaian serta penyebaran maklumat secara strategik bagi mencapai visi kementerian untuk mewujudkan masyarakat terhubung, berinformasi, kreatif dan berbudaya digital.

Dikeluarkan oleh:  
**Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
**18 Mac 2022**